



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/2/2022

- 1 a) **Jawatan:** Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) JA19
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Kejuruteraan
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Projek Kejuruteraan

- e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

2. Jadual Gaji Pelukis Pelan Gred JA19:-

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
RM 1,377.00	RM 4,052.00

Taraf Jawatan : Kontrak

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Dewan Bandaraya Kuching Utara

Tingkat 3, Bangunan DBKU

Bukit Siol, Jalan Semariang

Petra Jaya, 93050 Kuching

3. Antara Skop Tugas Utama

- a) Menyedia pelan kejuruteraan terperinci untuk projek yang ditetapkan oleh ketua unit berdasarkan kepada pelan rekabentuk cadangan awal yang diluluskan
- b) Mengurus penyimpanan pelan projek
- c) Menyediakan salinan pelan projek untuk tujuan tender/kontrak dan penyerahan tapak
- d) Menjalankan kerja-kerja ukur tapak

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Keupujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM 1,377.00] atau

- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM 1,435.12]

- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM 1,493.24]

Tarikh Akhir Permohonan : 21 September 2022

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.